

Ulasan Buku/*Book Review*

Orkes Masyarakat Manusiawi oleh Maszlee Malik. 2019.

*Penerbit Thukul Cetak, 9-1A, Jalan 15/1A, Seksyen 15 43650, Bandar Baru Bangi,
Selangor*

Diulas oleh
NURUL ABRAR MD ISA*

Academy of Islamic Civilisation, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti
Teknologi Malaysia, 81300 Skudai, Johor, Malaysia

Lektur ini merupakan karya Maszlee Malik, seorang sarjana yang pernah berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Maszlee menerima pendidikan awal di Universiti al-Bayt, Jordan sebelum melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana di Universiti Malaya dalam bidang yang sama iaitu Fiqh dan Usul al-Fiqh. Beliau menamatkan pengajian ijazah Doktor Falsafah di University of Durham, United Kingdom pada tahun 2011 dengan fokus penyelidikan mengenai konsep *Good Governance*. Tidak hanya berkecimpung dalam dunia akademik, penulis turut bergiat aktif dalam beberapa pertubuhan NGO berteraskan dakwah, kebajikan dan kemasyarakatan. Kariernya dalam arena pendidikan tanah air mencapai kemuncak ketika beliau menyandang jawatan sebagai Menteri Pendidikan Malaysia. Gabungan pengalaman merentas dua lapangan iaitu akademik dan politik memberi keunikan kepada karya ini, yang cuba memperlihatkan sintesis antara idealisme, pengalaman birokrasi dan kritik sosial yang bersifat progresif dan berani.

Secara makro, lektur ini mengetengahkan gagasan Islam Madani berasaskan kerangka Maqasid Syariah yang bersifat inklusif serta menekankan kesejahteraan sejagat. Penulis mengemukakan diskusi yang konstruktif dengan memperlihatkan kesedaran bahawa horizon pemikiran politik Islam tidak seharusnya dibatasi dalam

*Corresponding author: Nurul Abrar Md Isa, Academy of Islamic Civilisation, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 81300 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. email: nurulabrar@graduate.utm.my
Diserahkan: 10 Jun 2025
Diterima: 6 September 2025
DOI: <https://doi.org/10.17576/JH-2025-1702-10>

ruang lingkup ritual atau hukum semata-mata, sebaliknya berperanan sebagai sistem nilai yang membimbing kehidupan masyarakat majmuk. Maszlee menekankan bahawa sistem nilai ini perlu merentasi pelbagai dimensi, meliputi aspek keadilan sosial, fiqh kewarganegaraan serta nilai kemanusiaan yang menjangkau sempadan agama, etnik dan geografi. Pendekatan ini bersifat holistik dengan mengambil kira pelbagai perspektif, sekaligus menawarkan jawapan terhadap polemik kontemporari tanpa meminggirkan aspek-aspek penting yang membentuk realiti masyarakat. Seruan ini selaras dengan aspirasi Islam sebagai rahmat bagi seluruh alam, yang menuntut agar isu-isu semasa seperti pemeliharaan alam sekitar, hak asasi haiwan, kesenian serta keharmonian etnik dan agama diberikan perhatian yang serius. Tujuan prima wacana ini adalah untuk menghadirkan wajah Islam yang autentik, seimbang dan berperanan sebagai pemangkin kesepaduan dalam masyarakat multi-etnik.

Penulis memulakan wacana dengan menekankan keperluan untuk mereformasi epistemologi keagamaan yang selama ini cenderung bersifat literal dan normatif. Beliau mengkritik pendekatan yang mengehadkan fungsi hadis nabawi dalam kerangka hukum-hakam semata-mata, tanpa membuka ruang tafsiran kontekstual yang lebih luas. Tanpa menyetepikan dimensi normatif tersebut, penulis menegaskan bahawa nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung di luar struktur hukum juga perlu diangkat secara bersekali agar tradisi Islam tidak terperangkap dalam reduksi legalistik. Dalam kerangka ini, pendekatan maqasidik ditampilkan sebagai medium hermeneutik yang signifikan bagi menyingkap tujuan dan hikmah dalam tindakan Nabi SAW, yang sejajar dengan model yang dirumuskan oleh Ibnu 'Ashur melalui 12 kategori maqasid dalam perbuatan Baginda SAW. Pendekatan ini membolehkan hadis difahami bukan sekadar instrumen perintah dan tegahan, tetapi juga sebagai panduan dinamik yang menzahirkan nilai universal dalam pembinaan peradaban. Bersandarkan asas tersebut, penulis menolak tanggapan bahawa hukum Islam bersifat statik dan tidak relevan dalam menangani isu-isu kekinian. Beliau menanggapinya dengan mengangkat konsep '*Fiqh al-Taysir*' yang digagaskan oleh al-Qaradawi, iaitu satu kerangka yang menolak tafsiran agama yang keras dan literalistik kerana bercanggah dengan semangat al-Quran dan Sunnah yang menekankan perihai rahmat, kemudahan serta kesesuaian dengan tuntutan zaman. Dengan demikian, penulis menggesa pembacaan semula terhadap teks wahyu dan tradisi keilmuan Islam dalam kerangka maqasid serta menghubungkannya dengan misi reformasi sosial yang lebih luas.

Dalam kerangka pembinaan masyarakat Madani, penulis menegaskan bahawa pemberdayaan warga hanya dapat direalisasikan melalui pengukuhan prinsip syura dan keadilan sebagai landasan asasi. Penulis menegaskan bahawa integriti mesti dipupuk pada peringkat individu dan keluarga terlebih dahulu, sebelum diperluas ke aras negara dan global, supaya pelaksanaan hukum Islam berakar pada nilai keadilan dan ihsan, bukan sekadar formalistik. Nilai-nilai ini turut berhubungan erat

dengan prinsip kedaulatan undang-undang yang termaktub dalam Rukun Negara, sekaligus menegaskan bahawa keadilan bukan hanya suatu tuntutan syariah, tetapi juga teras kenegaraan. Seiringan dengan itu, pemisahan antara kuasa eksekutif dengan kehakiman diusulkan sebagai prakarsa penting bagi menjamin integriti tadbir urus serta menutup ruang penyalahgunaan kuasa. Penulis turut menegaskan tentang perlunya memahami konsep syura secara substantif, iaitu sebagai suatu mekanisme yang membuka ruang kepada rakyat untuk terlibat secara aktif dalam sistem tata kelola negara. Dalam konteks semasa, amalan syura ini dilihat selari dengan prinsip demokrasi berperwakilan yang menuntut keterlibatan awam dalam proses pembuatan dasar dan keputusan secara kolektif. Atas landasan inilah penulis menegaskan bahawa prinsip *amar makruf nahi munkar* perlu diperluas maknanya sebagai asas kepada kerangka akauntabiliti politik yang menjunjung keadilan serta menolak segala bentuk kezaliman. Justeru, budaya konsultasi dan musyawarah yang dipraktikkan oleh Nabi SAW dan *Khulafa' al-Rasyidin* diangkat sebagai model rujukan untuk memperkukuh prinsip semak dan imbang melalui partisipasi rakyat dalam membentuk keputusan negara. Dengan pendekatan ini, penulis cuba memulihkan kembali gagasan politik Islam agar tampil lebih terbuka dan bersifat serta sama (*participative*), bukan lagi bersifat hegemonik yang membungkam suara masyarakat.

Dalam kesinambungan gagasan masyarakat Madani, penulis turut memberi perhatian khusus dalam isu hak golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang sering tersisih daripada wacana arus perdana. Berasaskan konsep *Homo-Islamicus* manusia sebagai khalifah yang dimuliakan serta prinsip *ukhuwwah insaniyyah* (solidariti sejagat), beliau mengangkat nilai kesetaraan dan ihsan sebagai asas interaksi sosial. Penekanan ini merupakan seruan moral kepada insan yang dikurniakan kesempurnaan fizikal dan mental agar memikul tanggungjawab untuk memperjuangkan hak asasi komuniti OKU. Dalam konteks ini, penulis menzahirkan kebimbangan terhadap kecenderungan dakwah Kristian yang menyasarkan komuniti OKU Muslim melalui bantuan kewangan, pendidikan dan perubatan. Menurut beliau, fenomena ini berpotensi menggugat keteguhan akidah mereka jika tidak ditangani secara proaktif. Justeru, beliau menggesa agar institusi Islam seperti Pusat Zakat Negeri, Baitulmal dan Pejabat Mufti memperluas takrifan asnaf dengan memasukkan kategori OKU sebagai penerima sekurang-kurangnya dalam tiga bahagian. Cadangan ini berpijak pada realiti akan keterbatasan mereka untuk meraih peluang pekerjaan dan mengakses pendidikan agama. Ini sekaligus menuntut mekanisme penyantunan OKU yang lebih berstruktur dan sistematik. Selari dengan gagasan Islam Madani yang bersifat inklusif, penulis turut menekankan soal hak terhadap haiwan. Kandungan hadis yang menekankan kebajikan haiwan memperlihatkan bahawa Islam telah mendahului wacana *animal rights* yang hanya muncul dalam era pascamoden, sekaligus menggambarkan keluasan visi Islam yang mementingkan kesejahteraan seluruh makhluk.

Penulis turut mengkritik peranan golongan *asatizah* (para ustaz dan ustazah) dalam mendepani polemik kemasyarakatan yang sering disempitkan kepada dimensi kerohanian dan aspek normatif agama semata-mata. Kritikan yang diketengahkan ini bersifat tegas namun konstruktif, dengan tujuan memperluas horizon fungsional *asatizah* sebagai agen pembaharuan sosial yang lebih responsif terhadap realiti kontemporari. Dalam kerangka ini, beliau mengusulkan tiga pendekatan strategik. Pertama, pendekatan pencegahan berasaskan konsep *nahi munkar*; iaitu keberanian menolak kerosakan sosial secara lantang dan berprinsip. Kedua, pendekatan preskriptif, iaitu keterlibatan aktif dalam menawarkan solusi yang realistik terhadap permasalahan masyarakat. Pendekatan ini menuntut penguasaan ilmu merentasi disiplin agar *asatizah* tidak terkurung dalam tradisi keilmuan tertentu sahaja, sekaligus memperluas daya responsif Islam terhadap cabaran semasa yang mencapah. Pendekatan ketiga yang berorientasikan tindakan pula menekankan keterlibatan langsung dalam aktivisme, termasuk membela golongan tertindas, menentang penyelewengan kuasa, memperkasa ekonomi sendiri serta memperjuangkan akses pendidikan yang saksama. Bagi penulis, peluasan peranan ini penting agar neraca ketuhanan tidak hanya terikat pada wacana retorik, tetapi diterjemahkan dalam amal yang menyeluruh, realistik dan berdaya transformasi. Dengan demikian, *asatizah* dapat berperanan dalam dwi-lapangan, iaitu sebagai pewaris tradisi serta penggerak sosial yang mampu membimbing masyarakat.

Penulis seterusnya menegaskan tentang keperluan menghidupkan budaya politik Islam yang tidak seharusnya berlegar pada simbolisme agama atau retorik moral yang dangkal, sebaliknya perlu berlandaskan tadbir urus yang telus, amanah dan berpaksikan aspirasi rakyat. Sejarah menunjukkan bahawa, apabila politik Islam dibiarkan terkurung dalam ritualisme dan retorik tanpa visi maqasid, ia cenderung menjadi alat justifikasi bagi kuasa elit, dan bukannya wahana pembelaan rakyat. Sebaliknya, dalam kerangka maqasid yang holistik, agama seharusnya tampil sebagai benteng penyalahgunaan kuasa. Dari sudut ini, konsep syura perlu ditafsirkan semula sebagai mekanisme demokrasi yang menzahirkan suara pelbagai lapisan rakyat, bukan sekadar ritual pengesahan keputusan oleh segelintir elit. Dengan cara ini, Islam tampil sebagai medium advokasi untuk memperjuangkan keterbukaan, kesaksamaan dan kebertanggungjawaban dalam pentadbiran. Penulis turut mengingatkan akan bahaya pembekuan makna yang berlaku apabila teks wahyu dipisahkan daripada maqasid dan konteks sejarah, semisal menyalahgunakan nas ketaatan kepada pemimpin bagi melegitimasi kuasa mutlak. Hakikatnya, perintah ketaatan hanyalah sah selama tadbir urus kepimpinan itu berteraskan tauhid, syariah dan prinsip akauntabiliti. Maka, setiap bentuk kekuasaan mestilah terbuka kepada pemugaran, tertakluk kepada semak dan imbang yang berkesan serta mengiktiraf kedaulatan rakyat sebagai amanah Ilahi. Inilah asas budaya politik Islam yang matang dan berpihak kepada maslahat ummah.

Penulis turut menyorot keluhan pakar seni bina terhadap dasar pembangunan yang lazimnya dikonotasikan dengan perobohan tinggalan sejarah dan arca seni atas nama kemajuan ekonomi. Pengabaian terhadap warisan sejarah dan seni, menurut beliau, akan mengikis kearifan lokal dan melemahkan daya tahan budaya tertentu dalam menghadapi arus globalisasi. Apabila pembangunan diukur hanya dengan neraca utilitarian yang berorientasikan keuntungan jangka pendek, maka masyarakat akhirnya terjerumus dalam mentaliti materialistik, lantas menyetepikan aspek keseimbangan antara material dan spiritual. Dalam lensa sejarah, tamadun Islam tidak pernah bersifat anti-estetika, sebaliknya tradisi seni bina Islam mampu mengintegrasikan fungsi praktikal dengan keindahan estetika sehingga menjelmakan gagasan tauhid dalam ruang sosial dan kehidupan seharian. Namun, peminggiran seni dan sejarah dalam pembangunan moden hanya akan melahirkan masyarakat yang terasing daripada akar sejarah dan budayanya sendiri, sehingga membabitkan kecelaruan identiti dalam meniti masa hadapan. Sehubungan itu, penulis menegaskan bahawa pembangunan dan perancangan bandar mesti dinilai dalam kerangka Maqasid Syariah yang menyeluruh, dengan menitikberatkan aspek material, kesenian, warisan serta kelestarian alam sekitar secara seimbang. Justeru, wacana pembangunan perlu membuka ruang dialog interdisiplin yang konstruktif antara pakar agama, arkitek, sejarawan dan pembuat dasar. Hanya melalui integrasi ilmu, umat Islam dapat mewujudkan persekitaran yang berakar pada tradisi, berpaksikan maqasid serta berdaya saing dalam menerajui masa hadapan yang lestari dan beretika.

Lanjutan kepada perbincangan mengenai kerangka politik Islam kontemporari, penulis mengajak pembaca menelusuri perbezaan asas antara sistem kenegaraan moden dan sistem politik Islam klasik melalui gagasan '*Fiqh al-Muwatanah*' (Fiqh Kewarganegaraan). Gagasan ini dikemukakan sebagai respons terhadap kerangka dualistik tradisional, iaitu '*Dar al-Harb*' dan '*Dar al-Islam*' yang kian kehilangan relevansinya dalam konteks dunia hari ini. Dalam era negara bangsa moden, dikotomi tersebut tidak lagi mampu menjelaskan realiti hubungan antarabangsa yang lebih kompleks, berlapis dan saling bergantung antara satu sama lain. Di sini, penulis mengemukakan ijtihad Muhammad Abu Zahrah yang mengusulkan klasifikasi baharu bagi memahami hubungan antara negara moden. Abu Zahrah menegaskan bahawa hubungan antarabangsa hari ini tidak lagi didasari oleh konflik ketenteraan atau ekspansi wilayah, sebaliknya berorientasikan kerjasama diplomatik, penghormatan sesama kedaulatan serta komitmen terhadap pencarian kepentingan bersama. Ijtihad ini, menurut penulis, mengisyaratkan tentang peri pentingnya untuk memahami konteks sejarah dalam penghasilan hukum, agar umat Islam tidak terperangkap dalam pembacaan literal yang memindahkan realiti silam ke dalam kerangka semasa secara anakronistik. Dalam kerangka negara bangsa, '*Fiqh al-Muwatanah*' lebih realistik dalam meneguhkan konsep kewarganegaraan yang tidak terikat dengan identiti agama semata, tetapi didasari oleh keanggotaan politik dalam sesebuah negara berdaulat.

Masih dalam kerangka wacana kenegaraan, penulis menyorot eksistensi *Sahifah Madinah* sebagai dokumen politik awal Islam yang meletakkan asas pembinaan negara berdaulat berteraskan keadilan dan kesepakatan sosial. Dokumen ini memperlihatkan beberapa elemen penting seperti pengiktirafan terhadap kemajmukan etnik dan agama, pengagihan hak dan tanggungjawab antara warga, keluhuran undang-undang serta pengukuhan kedaulatan Madinah sebagai negara kota. Melalui analisis Rashid Ghannouche, penulis menyatakan bahawa tidak kurang daripada 15 prinsip dapat diekstrak daripada *Sahifah Madinah* sebagai asas normatif kepada pembangunan Fiqh Kewarganegaraan moden. Namun, penulis menggarisbawahinya secara objektif bahawa, *Sahifah Madinah* tidak sepenuhnya memadai untuk dijadikan rujukan tunggal dalam merumuskan teori kenegaraan Islam kontemporari, memandangkan keterikatannya dengan konteks sejarah tertentu serta keterbatasannya dalam menanggapi kerumitan struktur politik moden. Meskipun demikian, prinsip kesetaraan hak dan tanggungjawab merentasi latar bangsa serta agama yang terkandung dalam kontrak sosial di Madinah tetap relevan, khususnya sebagai inspirasi untuk mengembangkan '*Fiqh al-Muwatanah*' yang lebih dinamik. Lebih-lebih lagi dalam konteks Malaysia, realiti pascakemerdekaan yang masih dibelenggu oleh persaingan identiti, retorik perkauman dan ketidakseimbangan sosioekonomi menuntut pembinaan kerangka '*Fiqh al-Muwatanah*' yang lebih progresif dengan mengambil kira realiti kemajmukan dalam negara.

Penulis turut mengangkat peranan ulama dalam sejarah Islam sebagai suara masyarakat dalam menegakkan prinsip *amar makruf nahi munkar* terhadap pemerintah. Tradisi ini membuktikan bahawa ulama memiliki fungsi moral dan sosial menjangkau domain keagamaan serta menjadi suara kritis terhadap penyalahgunaan kuasa. Berasaskan semangat ini, penulis mengusulkan penubuhan sebuah Majlis Ulama sebagai institusi semak dan imbang dalam struktur legislatif dan eksekutif negara moden, selari dengan prinsip demokrasi berperlembagaan. Namun, penulis menegaskan bahawa pelantikan ulama tidak wajar ditentukan oleh kepakaran dalam tradisi agama semata-mata, tetapi ia mesti dilengkapi dengan kemahiran yang kompeten dalam aspek tadbir urus, pengurusan strategik dan komunikasi massa agar mereka dapat berperanan secara optimum dalam pentadbiran kontemporari. Dalam hal ini, penulis merujuk kepada model pemerintahan Umar al-Khattab yang menubuhkan badan aduan rakyat, sebagai bukti bahawa autoriti tertinggi dalam tradisi Islam klasik sekalipun tidak terlepas daripada mekanisme semak dan imbang. Perbincangan ini diperluas dengan meninjau pengalaman *Ikhwan al-Muslimin* yang memposisikan ulama sebagai pendidik masyarakat, pembimbing kader dan pengimbang naratif reformis, bukan hanya sebagai aktor politik. Melalui prinsip syura dan keterbukaan profesional, struktur gerakan ini menunjukkan bahawa kepimpinan tidak seharusnya dimonopoli oleh autoriti agama secara eksklusif, sebaliknya boleh diterajui oleh tokoh daripada pelbagai latar kepakaran. Pendekatan yang inklusif sebegini menjadikan peranan ulama lebih dinamik dalam membentuk citra ketamadunan yang holistik.

Penulis turut mengulas peranan Abdul Rahman al-Kawakibi, seorang reformis abad ke-19 yang gigih menentang autoritarianisme Uthmaniyah dengan memanfaatkan media cetak sebagai instrumen pencerahan. Melalui alegori “*Umm al-Qura*”, al-Kawakibi mengkritik doktrin ‘Jabariyah Politik’ yang mengekang kebebasan rakyat, sambil menyeru kepada pembaharuan sistem kenegaraan berasaskan kesatuan umat. Beliau turut mendiagnosis kemunduran umat Islam dengan menyifatkan budaya konsumerisme sebagai penghambat utama dalam membangunkan ekonomi mandiri. Wacana ini kemudiannya dibandingkan dengan naratif protes sosial di Barat, khususnya melalui slogan “*Angry Young Men*”, ciptaan John Osborne pasca Perang Dunia Kedua. Ekspresi ini menjadi wadah satira dan kritik terhadap kegagalan sistem politik British dalam memenuhi aspirasi rakyat. Menurut penulis, keresahan serupa dapat dikesan dalam konteks tanah air, khususnya melalui isu kos sara hidup, ketirisan tadbir urus serta ketidakadilan sistemik yang menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap institusi negara. Dalam kerangka ini, kebangkitan generasi muda yang mengekspresikan keresahan mereka melalui media sosial, seni alternatif dan penerbitan *indie* dilihat sebagai “*Angry Young Men*” versi lokal. Penulis menegaskan bahawa tenaga kritis anak muda tidak wajar dipinggirkan, sebaliknya ia perlu dipandu ke arah saluran perubahan yang sah, konstruktif dan mampu memupuk kesedaran sivik dalam kerangka negara bangsa yang demokratik.

Beralih kepada isu pendidikan, penulis mengkritik budaya pedagogi yang destruktif dalam sistem pendidikan, khususnya melalui interaksi negatif oleh segelintir pendidik. Budaya ini, tanpa disedari telah melenturkan semangat dan keyakinan diri pelajar. Normalisasi sikap sebegini dilihat menghambat aspirasi pendidikan dalam gagasan Islam Madani serta mendedahkan pelajar kepada dua bentuk kecenderungan ekstrem, iaitu sama ada menjadi generasi yang memberontak atau bersikap pasif sehingga merencatkan ruang kreativiti dan daya juang mereka. Di sini, penulis tidak menuding jari sepenuhnya kepada pendidik, sebaliknya, beliau menyeru kepada penguatkuasaan falsafah pendidikan nasional yang terlalu berorientasikan peperiksaan dan pasaran kerja yang bersifat utilitarian. Sebagai alternatif, teras pendidikan perlu bergerak ke arah pembentukan insan secara holistik demi melahirkan generasi yang berpemikiran kritis, analitikal dan inovatif, dengan melestarikan tradisi berguru sebagai ruang pembinaan sahsiah, adab dan akhlak. Pendidikan yang manusiawi sebegini berperanan memelihara akal dan jiwa pelajar, di samping memperkukuh keseimbangan emosi, intelek dan spiritual. Gagasan futuristik ini amat mustahak dalam melahirkan generasi masa hadapan yang dilengkapi dengan mutu insan kamil, iaitu bersepadu dari segi keintelektualan dalam korpus keilmuan, serta berperanan sebagai kompas moral dalam ehwal kemasyarakatan di lapangan.

Secara keseluruhan, karya ini berperanan memugar norma keberagamaan yang bersifat dogmatik kepada kerangka yang lebih manusiawi dan inklusif. Penulis

menegaskan keperluan ijtihad kolektif yang kontekstual agar Islam tampil relevan dalam menghadapi cabaran moden, serta tetap berpaksikan kerangka Maqasid Syariah. Dengan menjunjung aspek etika dan nilai, karya ini menyeru pembaca agar menegakkan prinsip kemanusiaan berlandaskan tauhid sebagai neraca utama dalam menghadapi hambatan yang menggugat keluhuran fitrah manusiawi. Penulis berusaha memecahkan dua bentuk keekstreman dalam wacana keberagamaan, iaitu sama ada bermudah-mudah (*tasahul*) mahupun keterlampauan (*tashaddud*), sekaligus mengangkat gagasan kesederhanaan yang berlandaskan kerangka ilmu yang sahih dan berpaksikan analisis kritis. Dengan mewacanakan isu-isu yang dianggap marginal pada konteks penghasilannya, karya ini memperluas horizon pemahaman Islam melewati batasan legalistik dan normatif, menuju nilai-nilai luhur yang meneguhkan peranan kesejagatan Islam. Justeru, ulasan ini menyarankan agar karya ini ditelusuri oleh para ilmuwan, pembuat dasar dan masyarakat sivil Muslim yang mendambakan sebuah peradaban yang lebih harmoni, membumi dan progresif. Keseluruhan intinya cukup mencerminkan gagasan nilai-nilai kemanusiaan yang sejagat sebagai landasan penyatu dalam kepelbagaian, persis judulnya, "*Orkes Masyarakat Manusiawi*".